

Kuala Lumpur: “Ini adalah satu penghargaan tidak ternilai apabila menjadi pegawai pertama pasukan tentera Amerika Syarikat yang menuntut dan menghabiskan pengajian di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT),” kata Komander Paul Brian Sierleja, 43, ketika ditemui se-jurus Majlis Penutup Kursus dan Penyampaian Diploma MPAT Siri 35/2015, semalam.

Beliau yang berasal dari Texas, Amerika Syarikat mendapat purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.72 yang melayakkannya mendapat pengiktirafan ‘Commandant List’.

“Memang terdapat beberapa cabaran ketika menuntut di sini (Malaysia), namun dengan kerjasama yang ditunjukkan rakan sekuliah serta pensyarah, saya dapat meneruskan pengajian hingga tamat.

“Malah kemudahan untuk mendapatkan sumber maklumat juga tidak terhad. Memandangkan maktab ini bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), jadi saya menggunakan kemudahan perpustakaan di universiti itu sebaik mungkin,” katanya.

Sementara itu peserta Kursus Terbaik ATM siri 35 tahun

Pegawai AS pertama tamat pengajian di MPAT



“Memang terdapat cabaran ketika menuntut di sini, namun dengan kerjasama rakan sekuliah serta pensyarah, saya dapat menamatkan pengajian”

Paul Brian Sierleja

2015, Leftenan Kolonel Isa Daud berkata, dia terpaksa mengorbankan masa tidurnya setiap malam untuk menyiapkan dan mengulang kaji tugas diberikan pensyarah.

“Nampaknya pengorbanan saya berbaloi apabila menerima anugerah peserta kursus terbaik kali ini dan berjaya mendapat CGPA 3.96.

“Kursus yang ditawarkan memberi lebih pengetahuan berhubung keselamatan sesebuah negara dan cara untuk menyelesaikan masalah secara diplomatik,” katanya.

Selain itu, dengan adanya penuntut dari luar negara se-

cara tidak langsung membuka hubungan baik dua hala antara kedua-dua negara.

Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin yang menyempurnakan majlis berkenaan berkata, MPAT membuka pintu kepada penuntut asing sejak tahun 2007.

“Untuk tahun ini, kita mempunyai 40 penuntut dan tujuh daripadanya adalah penuntut luar negara iaitu dari Brunei, Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, Jordan dan untuk pertama kalinya penuntut dari Amerika Syarikat,” katanya.